



Rujukan Kami : MQA.100-1/7/1 (25)

Tarikh : 27 Mac 2017

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

PEKELILING MQA BIL. 1/2017

MAKSUD 'PENGHENTIAN PROGRAM' BAGI TUJUAN PENYERAHAN KEMBALI PERAKUAN AKREDITASI KEPADA MQA

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa semasa melaksanakan Penilaian Pematuhan Akreditasi, Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) mendapati banyak program Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) yang tidak lagi aktif dan tidak dilaporkan kepada MQA.

3. MQA mengambil berat perkara ini kerana berdasarkan ketetapan dalam Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 (Akta 679), PPT hendaklah menyerahkan perakuan akreditasi kepada MQA dalam masa tiga puluh hari dari:-

- (a) tarikh pembatalan perakuan akreditasi; atau
- (b) tarikh penghentian program.

4. Sehubungan itu, pekeliling ini bertujuan untuk menjelaskan maksud 'penghentian program' sebagaimana di para 3 di atas seperti berikut:

- i. program tersebut tidak ditawarkan kepada pelajar selama dua tahun berterusan; atau
- ii. PPT tidak lagi berhasrat untuk menawarkan program; atau
- iii. program tersebut telah tamat tempoh kelulusan pengendalian program daripada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT); atau
- iv. PPT telah menghentikan operasi/ ditutup berdasarkan peruntukan dalam Bahagian XI Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555); atau
- v. kelulusan penawaran program ditamatkan atau dibatalkan atas arahan pihak berkuasa yang bertanggungjawab dalam meluluskan program tersebut.

5. Justeru, mana-mana program yang telah terhenti penawaran atau pengendaliannya sebagaimana maksud yang telah dinyatakan di para 4 di atas, PPT hendaklah menyerahkan perakuan akreditasi kepada pihak MQA selaras dengan peruntukan dalam Akta 679. Kegagalan PPT berbuat demikian merupakan suatu kesalahan yang boleh didenda tidak melebihi RM20,000.00 (Ringgit Malaysia dua puluh ribu) atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau keduanya mengikut ketetapan seksyen 100 (1) Akta 679.

6. **Pelaksanaan dan pematuhan pekeliling ini berkuat kuasa pada tarikh surat ini dikeluarkan.**

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang ikhlas,



(DATO' PROF. DR. RUJHAN BIN MUSTAFA)

Emel : mrujhan@mqa.gov.my

s.k. :

1. YBhg. Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 17, No.2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 9, No.2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
3. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA
4. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 7, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA
5. SUSK YB Menteri Pendidikan Tinggi
Pejabat Menteri Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 18, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
6. SUSK YB Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi
Pejabat Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
7. Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No.12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 W.P. KUALA LUMPUR
8. Ketua Eksekutif
Education Malaysia Global Services (EMGS)
Tingkat 20, Menara TA One
22 Jalan P Ramlee
50250 W.P. KUALA LUMPUR